

27/10/1998

Melayu perlu ada kemahiran generik

Cikgu Kemahiran Generik

SAYA tertarik untuk menyampaikan mesej ini kepada semua orang Melayu.

Suasana politik di negara kita, dulu stabil kini bergolak. Tahukah kita, siapa di sebalik pergolakan ini?

Untuk menjawab persoalan demi persoalan ini, kita perlu berfikir secara kemahiran generik.

Biasanya kemahiran generik yang digunakan untuk `kemahiran mengurus, memilih dan menganalisis maklumat`.

Sebenarnya orang luar ada agendanya yang tersendiri di dalam negara kita. Tidak perlulah saya nyatakan orang luar itu.

Mereka memberi sokongan dan bantuan sepenuhnya kepada orang di dalam negara.

Orang di dalam negara kita dengan memakai topeng Islam menyusup masuk ke dalam Umno.

Orang luar sedar selagi Umno tidak dirosakkan, selagi itulah Islam yang menjadi tunjang orang Melayu di negara ini akan kukuh dan terus memerintah serta memberi keselesaan kepada orang Melayu.

Cuba kita berfikir secara mendalam, walaupun Umno tidak melaungkan ia sebuah parti Islam, namun hakikatnya Ummolah yang membina tapak kukuh untuk perkembangan Islam serta menyebarkan syiarnya.

Kita semua mungkin tertanya-tanya, apakah tujuan mereka yang sebenarnya?

Tujuan utama mereka ialah untuk menjatuhkan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka khuatir Malaysia di bawah kepemimpinan Perdana Menteri akan menentukan order baru dunia, jika tidak dikawal.

Sebab itulah mereka menyokong 100 peratus apabila ada orang Melayu yang sanggup mencabar kepemimpinan negara dengan cara melakukan revolusi kekerasan walaupun orang itu melakukan kekotoran moral.

Orang luar tidak ada niat pun mahu tolong orang Melayu. Orang Melayu perlu sedar.

Sedihnya orang Melayu masih tidak sedar, diri mereka diperalat secara tidak sedar. Marahkan pijat kelambu dibakar. Orang luar sudah lama mengkaji dan meneliti mentaliti orang Melayu.

Orang Melayu pula miskin segala-gala, apabila ada peluang untuk jadi senang, maka bermacam-macam perkara akan dilakukan termasuk pergi keluar negara memburuk-burukkan negara sendiri.

Sanggup kita perjudikan nasib bangsa kita yang masih miskin di luar bandar, masih mengharap pembelaan. Sejarah selalu berulang.

Keadaan yang sama juga berlaku pada zaman penjajahan British dulu. Ketika zaman penjajahan British, barang makanan mencukupi, mahu dikatakan mewah tu tidak juga, sekadar cukuplah untuk menampung keperluan.

Orang Melayu berdoa agar Jepun dapat datang dengan segera kerana pentadbiran Jepun lebih adil dan saksama. Barang makanan akan jadi murah.

Takdir tuhan Jepun menyerang, akhirnya orang Melayu lari masuk hutan. Orang Melayu dipaksa menyanyi menghadap matahari. Mahu minum air di beri satu tong. Adil sungguh!

Pak Lebai dan Pak Haji kita lari tunggang-langgang. Sepatutnya Gerak perlu ditubuhkan, barulah bertepatan dengan masa dan suasana ketika itu.

Malangnya, orang Melayu tidak mahu mengambil iktibar. Kalaulah generasi muda hari ini ada pada ketika itu barulah dihargai keamanan itu.

Orang Melayu sendiri juga ada yang berkata: "Sistem pemerintahan negara tidak adil (bukan semua), mahkamah tidak adil, itu tidak adil, ini tidak

adil. Semua tidak adil".

Kalau mahu dibincangkan tidak adil sampai bilapun tidak akan selesai. Jari tangan kita pun tidak sama panjang.

Yang peliknya, orang yang melaung-laungkan tidak adil, merekalah yang anjur perhimpunan haram, langgar undang-undang negara, bantah arahan polis, buat tunjuk perasaan gugat keamanan. Inilah hipokrit.

Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) mempunyai kebaikan tersendiri. Negara kita berbilang kaum. Adanya ISA ia dapat mengurangkan sedikit masalah.

Orang Melayu juga kata ISA tidak adil (bukan semua). Peliknya orang yang melaung-laungkan ketidakadilan ISA mendapat sepenuhnya kebebasan.

Apa tidaknya. Mereka dapat bergerak ke sana ke mari dengan tenang dan tenteram, tidak perlu takut orang tunjuk perasaan akan menembak atau memukul mereka.

Tidak takut kereta mereka akan dirosakkan dengan sewenang-wenangnya. Mereka lebih hidup selesa. Sebenarnya menghapuskan ISA kita mengundang kepada ketidakstabilan dalam negara dan ini akan menjejaskan usaha kerajaan untuk membantu dan membangunkan rakyat.

Badan kehakiman negara yang adil juga dituduh tidak berlaku adil. Mereka kononya memihak kepada kerajaan.

Kalaulah semua keputusan memihak kepada kerajaan mengapa Umno diharamkan? Adakah mahkamah lain yang membuat keputusan?

Semua ini adalah cuba-cubaan pihak luar untuk menghakis kepercayaan rakyat kepada sistem kerajaan kita. Apabila ini berlaku, mudahlah mereka melantik orang-orang yang boleh mereka cucuk hidung, tarik ke sana dan ke sini.

Semua ini juga berlaku di negara Islam lain. Sebenarnya orang luar tidak boleh senang duduk kalau tidak boleh perkuda orang Islam. Orang Melayu Islam perlu sedar perkara ini.

Orang zaman Jepun berkata: "Walaupun susah payah berada di bawah pemerintahan bangsa Melayu sendiri, adalah lebih baik daripada kita berada di bawah penjajahan."

Kalau Ngah Ibrahim dan Long Jaafar terfikir mengenai hal ini tentu perasaan hasad dengki dan sengketa dapat dielakkan.

Cubalah bangsa yang seagama dengan saya renung kata-kata ini.

Selidiklah kemahiran generik ini, agar keputusan yang bakal kita ambil nanti tidak akan menjahanamkan bangsa kita seumur hidup.

Kemahiran generik akan menjadi penting pada alaf akan datang.

Saya berdoa, agar Allah lanjutkan usia Perdana Menteri kita, untuk memimpin negara.